BAB 4

PENGELUARAN MAKANAN DAN ISU TANAH DAN BURUH

4.1 Pengenalan

Perkembangan pesat sektor pembuatan sejak beberapa dekad lalu, secara langsungnya telah menarik faktor pengeluaran terutama tanah dan buruh keluar daripada sektor pertanian. Pembukaan tanah yang meluas dalam era 1970-an hingga 1980-an dan kegiatan sektor pembuatan telah menjadikan tanah untuk pembangunan pertanian agak terbatas. Faktor tanah dan buruh adalah salah satu isu yang relevan dengan perkembangan pertanian. Era 1980-an hingga 1990-an membawa perubahan struktur ekonomi daripada yang berlandaskan eksport pertanian kepada ekonomi yang diterajui oleh sektor pembuatan yang berorientasikan eksport. Perkembangan sektor pembuatan telah memberi kesan kepada faktor pengeluaran seperti tanah, buruh dan modal di mana ia lebih menguntungkan jika dilaburkan dalam sektor perindustrian jika dibandingkan dengan pelaburan dalam sektor pertanian.

Dalam usaha untuk menjaga kepentingan sektor pertanian supaya berterusan sebagai satu sektor yang menjana pertumbuhan ekonomi negara, faktor kekurangan tanah, buruh dan pembiayaan dari segi modal adalah kekangan utama yang harus diberikan perhatian daripada pihak-pihak terlibat.

4.2 Tanah Pertanian

Istilah tanah ataupun hartanah dari segi undang-undang adalah merupakan sebahagian daripada muka bumi yang boleh ditentukan hak-hak pemilikan. Hak-hak ini bukan sahaja terbatas kepada kawasan permukaan tetapi meliputi benda-benda di atasnya seperti pokok, bangunan serta pembaikan yang dibuat oleh tuan punya tanah dan benda yang bernilai di permukaan atau di bawah tanah tersebut (Fatimah Mohd. Arshad dan Mad Nasir Shamsudin, 1997). Tanah merupakan modal utama dalam sesuatu sistem pengeluaran dan merupakan faktor penting bagi sektor pertanian.

Dua perkara utama perlu diambilkira dalam penggunaan tanah. Pertama, kapasiti penggunaan tanah dan kedua ialah penggunaan tertinggi dan terbaik. Kapasiti penggunaan tanah membawa maksud keupayaan relatif satu sumber tanah tertentu dalam menghasilkan lebihan atau utiliti daripada kos penggunaannya. Dalam erti kata lain, ia merujuk kepada kapasiti penggunaan ekonomi tanah tersebut. Sekeping tanah yang sama dikatakan akan memberikan penggunaan ekonomi yang tertinggi sekiranya digunakan untuk tujuan komersial jika dibandingkan dengan penggunaan tanah untuk pertanian sara diri. Ini disebabkan pulangan daripada kegiatan ekonomi bukan pertanian adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pertanian. Kapasiti penggunaan tanah ini ditentukan oleh dua komponen utama iaitu kemudahsampaian (accessibility) dan mutu sumber yang terkandung. Ini bermakna keupayaan penggunaan sesuatu tanah boleh dinilai dengan meneliti dua komponen ini.

Manakala bagi penggunaan tanah yang terbaik pula biasanya pemilik atau penyewa akan memilih kegiatan yang akan memberikan pulangan yang tertinggi. Pembangunan pesat sektor pembuatan dan perumahan di samping usaha untuk mengekalkan sektor pertanian menyebabkan kenaikan nilai tanah. Ini telah menimbulkan kesan seperti persaingan ke atas sumber tanah dan kenaikan harga tanah. Teori klasik Malthus menyatakan bahawa peningkatan dalam permintaan untuk makanan hanya boleh diselesaikan dengan meneroka kawasan tanah baru atau berterusan menjalankan kegiatan pertanian di atas tanah yang sedia ada dengan lebih intensif ataupun dengan menggunakan lebih tenaga buruh (Ghatak dan Ingersent, 1984).

4.2.1 Penggunaan Tanah Pertanian

Fenomena kepesatan pembangunan perindustrian memberikan implikasi secara langsung kepada tanah pertanian dengan meningkatkan persaingan terhadap penggunaan tanah. Rekod dalam kegunaan tanah menyarankan bahawa dalam pasaran bebas, corak penggunaan tanah akan dipandu oleh penggunaan yang akan memberikan pulangan tertinggi. Dari segi corak penggunaan tanah pertanian, analisis akan dikaji dari jumlah keluasan tanah untuk pertanian. Secara umumnya, penggunaan tanah komoditi pertanian untuk industri utama telah merosot. Antaranya seperti getah dan kelapa sawit. Bagi getah, ia dijangka menurun 1.9 peratus setahun daripada 1.4 juta hektar kepada 1.3 juta hektar pada tahun 2005. Manakala bagi kelapa sawit, peratus kemerosotan adalah 2.2 peratus setahun daripada 3.5 juta hektar pada tahun 1995 kepada 3.1 juta hektar pada tahun 2005. Pengurangan jumlah kawasan

tanaman ini disebabkan banyak kawasan ladang telah diambil untuk beberapa projek lebuhraya, padang golf dan perumahan.

Namun begitu, akibat pengalaman daripada krisis kawangan 1997, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang lebih baik bagi menjamin bekalan makanan negara. Secara keseluruhannya, jumlah kawasan penggunaan tanah untuk komoditi makanan telah meningkat. Tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan adalah dua tanaman yang dilihat mempunyai potensi yang cerah untuk diusahakan. Dalam RM8, penggunaan tanah untuk kedua-dua tanaman ini dijangka meningkat masing-masing 8.5 pertaus dan 5.0 peratus setahun. Bagi sayur-sayuran, jumlah kawasan tanaman dijangka meningkat daripada 51420 hektar pada tahun 1995 kepada 77290 hektar pada tahun 2005. Keluasan tanaman bagi buah-buahan pula dijangka meningkat kepada 379613 hektar pada tahun 2005 daripada 297436 hektar pada tahun 1995. Bagi tanaman bijirin utama negara iaitu padi, jumlah penggunaan tanah untuk penanaman ini juga dijangka meningkat daripada 572196 hektar pada tahun 1995 kepada 611000 hektar pada tahun 2005 iaitu peningkatan sebanyak 0.6 peratus setahun. Peningkatan dalam jumlah kawasan tanaman ini disebabkan terdapat peningkatan dalam permintaan domestik untuk tanaman ini ekoran daripada pertambahan dalam jumlah penduduk.

Penurunan dalam peruntukan penggunaan tanah bagi beberapa jenis tanaman makanan menyebabkan penurunan dalam pengeluaran beberapa jenis tanaman utama. Pengeluaran tanaman makanan utama hanya meningkat sedikit pada tahun 1995 jika dibandingkan dengan tahun 1990 (Jadual 4.1).

Jadual 4.1: Pengeluaran Komoditi Pertanian, 1980-2000 ('000 tan)

Perkara	1980	1985	1990	1995	2000[r]	Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (%) 1996-2000
Komoditi Pertanian Untuk Industri						
Getah	1530	1470	1291	1106	1014	-1.7
Minyak Kelapa sawit mentah	2576	4133	6095	7814	9134	3.2
Isirong Kelapa sawit	222	1212	1845	2396	2800	3.2
Kayu balak ('000 m³)	34154	36506	40099	32200	26922	-3.5
Koko	37	108	247	152	156	0.5
Lada hitam	31	19	31	17	16	-1.1
Nanas	185	146	168	178	191	1.4
Tembakau	t.d	9	10	10	13	5.6
Bunga-bungaan	t.d	t.d	56475	112869	238903	16.2
Komoditi Makanan						
Padi	2040	1953	2016	2159	1940	-2.1
Buah-buahan	t.d	852	1531	2190	3300	8.5
Sayur-sayuran	t.d	184	694	794	1050	5.8
Kelapa	787	250	1257	1136	1027	-2.0
Perikanan				-		
Laut	743	697	951	1181	1254	1.2
Akuakultur	t.d	51	53	125	312	20.1
Ternakan						
Daging Lembu	17	19	13	16	19	3.6
Kambing	0.8	0.6	0.8	1.0	1.0	4.2
Ayam-itik	126	154	386	647	840	5.4
Babi	136	164	228	305	320	1.0
Telur (juta unit)	2535	3395	5505	7750	9150	3.4
Susu (juta liter)	8.0	24	29	34	38	2.1

Nota: [r] ramalan Kementerian Kewangan
t.d tiada data
Sumber : Pazim@Fadzim Othman,2000 (Jadual 9, m/s:216)

Tanaman makanan terdiri daripada padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan (Pazim@ Fadzim Othman, 2000). Fenomena kepesatan pembangunan perindustrian memberikan implikasi secara langsung kepada penggunaan tanah untuk pertanian. Sektor makanan bukan sahaja mengalami persaingan ke atas tanah pertanian tetapi juga terpaksa bersaing ke atas tenaga buruh. Permintaan buruh yang tinggi daripada sektor pembuatan telah meningkatkan tahap upah buruh di sektor pertanian.

4.3 Gunatenaga Pertanian

Pada awal tahun 1980-an, sektor pertanian mula mencatatkan kemunduran dari segi pengeluaran dan pencapaian. Malahan, di sekitar tahun 1984 hingga tahun 1992 nyatalah struktur ekonomi negara telah beralih daripada sektor pertanian kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pada ketika itu, ramai tenaga kerja muda lebih tertarik untuk melibatkan diri dalam sektor pembuatan. Gejala ini menyebabkan bilangan tenaga buruh dalam sektor pertanian mengalami kekurangan yang begitu mendadak. Senario ini menyebabkan sektor pertanian mengalami penurunan dari segi keuntungan.

Jadual 4.2 mencatatkan penurunan dalam gunatenaga bagi sektor pertanian di mana pada tahun 1995 sebanyak 1.5 juta gunatenaga digunakan. Jumlah ini merosot sebanyak 1.2 peratus setahun kepada 1.4 juta pada tahun 2000. Namun, nilai tambah bagi setiap pekerja meningkat daripada RM11500.00 pada tahun 1995 kepada RM12900.00. Pada tahun 2000 iaitu peningkatan sebanyak 2.4 peratus setahun. Produktiviti terus bertambah terutamanya dalam pengeluaran padi, sayur-sayuran dan ternakan (Malaysia,

2001). Kemerosotan gunatenaga dalam sektor pertanian akan terus dicatatkan dan dengan itu Malaysia terpaksa bergantung kepada buruh-buruh asing dalam sektor perladangan terutamanya tenaga kerja dari Bangladesh dan Indonesia. Bagi sektor makanan juga menghadapi masalah tenaga kerja kerana ramai tenaga kerja muda sekarang lebih berminat bekerja di bandar-bandar besar dan di bilik-bilik berhawa dingin. Penghijrahan tenaga kerja dari kampung ke kota-kota juga menyebabkan jumlah gunatenaga di luar bandar menjadi kurang. Akibatnya, buruh asing terpaksa diupah kerana kebanyakan kawasan pertanian seperti sawah padi, ladang sayur-sayuran dan buah-buahan serta kolam-kolam ikan terletak di kawasan luar bandar ataupun di pinggir bandar.

Jadual 4.2: Gunatenaga dan Produktiviti Sektor Pertanian, 1995-2005

				Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
				RM7		RM8
	1995	2000[a]	2005[r]	Sasaran	Pencapaian	Sasaran
Gunatenaga pertanian ('000 orang)	1493	1408	1307	-3.6	-1.2	-1.5
Peratus jumlah gunatenaga	18.7	15.2	12.0			
Nilai tambah setiap Pekerja (RM pada harga 1987)	11466	12898	16088	3.3	2.4	4.5

Nota: [a] anggaran Kementerian Kewangan
[r] ramalan Kementerian Kewangan

Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan,2001-2005 (diubahsuai)

4.4 Kesimpulan

Dalam era transformasi struktur ekonomi yang pesat ini, ternyata sektor makanan akan terus menghadapi tekanan terutamanya tanah dan buruh. Selain daripada faktor buruh dan tanah, tekanan lain pula ialah persaingan antarabangsa. Kenaikan harga tanah dan buruh menyarankan bahawa pengeluaran makanan perlu menumpukan kepada jenis pengeluaran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi iaitu sama ada tanaman bernilai tinggi atau makanan yang telah diproses. Kenaikan harga tanah pertanian bermakna perlunya usaha untuk menggalakkan penggunaan tanah yang lebih intensif melalui gabungan optimum modal dan teknologi atas tanah. Ini bermakna sektor makanan memerlukan polisi khusus supaya sumber tanah dan buruh digunakan secara optimum. Dalam situasi persaingan sengit ke atas penggunaan tanah pertanian, sektor makanan memerlukan polisi perlindungan yang efisien sebagaimana diberikan kepada industri bukan pertanian supaya matlamat sekuriti makanan boleh dipertahankan pada kos sumber domestik yang efektif.